

## IKLAN PENGISIAN JAWATAN KOSONG



### **SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berinovatif, berdedikasi dan berkelayakan bagi mengisi satu (1) kekosongan jawatan berikut:

1. Jawatan : **PEGAWAI PENYELIDIK GRED 9, BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN TRITI ANTARABANGSA**
  - Tanggagaji : RM2,580.00 dan elaun tambahan sebanyak RM900.00 sebulan
  - Taraf Jawatan : Kontrak Perkhidmatan (Contract of Services)
  - Tempoh : 3 bulan (bermula pertengahan Mei 2026 hingga pertengahan Ogos 2026)
  - Penempatan : Ibu Pejabat Kuala Lumpur
  - Kelayakan :
    - i. Warganegara Malaysia;
    - ii. Berumur tidak kurang 22 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - iii. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang yang diiktiraf daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau luar negara atau kelayakan yang setaraf dengannya oleh Kerajaan;
    - iv. Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
    - v. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan praktikal mengenai hak asasi manusia;
    - vi. Mempunyai kemahiran dalam penyelidikan, penggubalan undang-undang (legal drafting), dan pengurusan isu-isu perundangan melibatkan hak asasi antarabangsa; dan
    - vii. Kepujian dalam Bahasa Malaysia (termasuk Ujian Lisan) (sekurang-kurangnya Gred C) dan Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan setaraf yang diiktiraf oleh Suruhanjaya.

Kekosongan : 1 Kekosongan Jawatan

Tanggungjawab : Pegawai Penyelidik Gred 9 akan bertanggungjawab, antara lain seperti berikut:

- i. Menjalankan tugas-tugas penyelidikan dan pembangunan (R&D) berhubung isu-isu hak asasi manusia yang berkait dengan perundangan;
- ii. Menyediakan dokumen teknikal seperti kertas pendirian (*position paper*), kertas cadangan dan lain-lain serta memberi input berasaskan data dalam bidang hak asasi manusia dan perundangan;
- iii. Menjalankan tugas – tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian mahupun Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

#### **Cara Memohon**

Calon-calon yang berminat adalah diminta untuk mengemukakan surat permohonan yang lengkap seperti berikut:

- i. Surat rasmi permohonan/iringan;
- ii. Resume yang lengkap mengandungi butiran seperti maklumat peribadi, kelayakan dan pengalaman;
- iii. Sijil dan transkrip akademik (salinan yang disahkan);
- iv. Kad pengenalan (salinan yang disahkan);
- v. Gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan); dan
- vi. Satu (1) surat rujukan daripada majikan semasa (jika ada).

Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan sebelum atau pada **24 April 2026 (Jumaat)** pada atau sebelum jam **3.00 petang** kepada:

#### **Setiausaha**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**

**Aras 17, Menara Aras Raya,**

**11, Jalan Raja Laut, 50100 Kuala Lumpur.**

**(Untuk Perhatian: Bahagian Sumber Manusia)**

**atau e-mel kepada:**

**[jawatankosong@suhakam.org.my](mailto:jawatankosong@suhakam.org.my)**

Hanya calon yang berjaya disenarai pendek sahaja yang akan dihubungi. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Urusetia di talian 03-2612 5600/5607/5712.